

## Tiga lagi didakwa buat tuntutan palsu di Melaka

**Melaka:** Tiga lagi individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, menjadikan keseluruhan 16 orang didakwa di negeri ini sejak Isnin lalu, atas pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), berkaitan tuntutan insentif di bawah Program PENJANA KERJAYA 2.0.

Pada prosiding semalam, Nick Farhan Zakiran Mahadi, 30, Marzila Daud, 46 dan Siti Nor Sofwah Ahmad, 26, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing membabitkan tuntutan insentif berjumlah RM136,100 yang dibuat antara 8 Mac hingga 23 Mac 2021.

Mengikut pertuduhan, Nick Farhan Zakiran selaku pemilik syarikat NFZ Engineering didakwa memberikan Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama NFZ Engineering bertarikh 16 April 2021 melalui seorang lelaki kepada seorang pegawai perkhidmatan pekerjaan pejabat PERKESO, bagi menuntut insentif berjumlah RM45,100 di bawah Program Penjana 2.0 PERKESO.

Marzila dan Siti Nor Sofwah

didakwa melakukan kesalahan sama dengan masing-masing mengemukakan borang pengesahan itu atas nama syarikat Ainnas Sweet Home Bakery bertarikh 8 Mac 2021 dan Nor Sofwah Tea (23 Mac 2021) bagi mendapatkan insentif berjumlah RM50,000 dan RM41,000.

### Niat perdaya PERKESO

Ketiga-tiga tertuduh didakwa dengan niat memperdaya PERKESO kerana dokumen pengesahan diberikan mengandungi pernyataan palsu berkenaan 'Maklumat Pekerja Baru' syarikat masing-masing.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat PERKESO, Wisma PERKESO Jalan Persekutuan, MITC, Ayer Keroh, masing-masing pada 16 April, 8 Mac dan 23 Mac 2021 dan pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama, memperuntuk hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.



Nick Farhan Zakiran, Marzila dan Siti Nor Sofwah dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Zander Lim Wai Keong menjalankan pendakwaan sementara Marzila dan Siti Nor Sofwah masing-masing diwakili peguam Hafizah Sani dan Lim Kah Ee. Tertuduh, Nick Farhan Zakiran tidak diwakili peguam.

Pendakwaan mencadangkan

jaminan RM20,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin masing-masing berserta syarat melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka sekali setiap bulan.

Hakim Elesabet kemudian membenarkan Marzila diikat jamin sebanyak RM15,000, ma-

nakala Siti Nor Sofwah dan Nick Farhan Zakiran masing-masing RM12,000, selepas menimbang rayuan mereka berserta syarat seperti dimohon pendakwaan.

Sebutan semula bagi pengurusan kes ditetapkan pada 16 Februari depan.